



Mini Film Festival Ke-10 Pertandingan Filem Pendek

'Mini Film Festival' merupakan anjuran tahunan Program Sinematografi, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). 'Mini Film Festival' ini bertujuan membuka ruang kepada pengkarya muda di peringkat universiti untuk mengetengahkan bakat masing-masing. Pihak penganjur telah menyediakan 5 kategori filem untuk penyertaan bersama dengan durasi filem yang boleh diterima oleh penganjur seperti berikut:

	Genre	Durasi (Termasuk Kredit)
i.	Animasi	≤ 10 minit
ii.	Dokumentari	20-25 minit
iii.	Filem Pendek	≤ 10 minit
iv.	Iklan (TVC / PSA)	≤ 1 minit
v.	Video Eksperimental	≤ 10 minit

Tarikh tutup penyertaan dan penyerahan filem ialah pada 1 Mei 2014 (Khamis)

Kriteria

- I. Pertandingan ini hanya dibuka kepada pelajar-pelajar yang masih belajar di institusi pengajian tinggi masing-masing dan filem-filem yang dihasilkan selepas 1 Jun 2013.
- II. Filem yang dihantar terbuka kepada semua jenis genre, format dan tema. Penyertaan ini sama ada berbentuk dokumentari, filem pendek, animasi, video eksperimental ataupun iklan.
- III. Durasi filem perlu mengikut durasi yang ditetapkan. Durasi tersebut adalah termasuk kredit.
- IV. Peserta perlu mencalonkan kategori yang ingin dipertandingkan. Sila rujuk lampiran yang disertakan untuk maklumat lanjut penyertaan.
- V. Peserta harus mengisi borang penyertaan yang dilampirkan bersama dengan jelas dan tepat.
- VI. Penyertaan adalah percuma. Namun, sebarang kos pengiriman akan ditanggung oleh peserta sendiri. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kerosakan, dan kelewatan penghantaran filem tersebut.
- VII. Pihak penganjur tidak akan memulangkan DVD penyertaan yang telah dihantar.

Format Filem

Format video perlu dalam bentuk DVD (bukan "DATA Format") kerana ia hanya akan diadili menggunakan alat pemain DVD dan bukannya komputer. Video tersebut juga haruslah mempunyai sari kata Bahasa Inggeris bagi filem yang bukan berbahasa Inggeris.

Bahan Promosi

Festival ini berkemungkinan akan menggunakan 10% daripada filem yang disertai untuk tujuan promosi seperti montaj.

Pemilihan Filem

Semua filem yang dihantar ke 'Mini Film Festival' ini akan diadili oleh panel juri dari kalangan pensyarah UNIMAS yang telah dilantik. Keputusan pengadil adalah muktamad.

Pemenang dan Penganugerahan

Pemenang perlu menghadiri majlis untuk menerima sijil dan trofi. Majlis penganugerahan akan dijalankan pada 28 Mei 2014 (7.30 – 11.00p.m.) di DeTAR, UNIMAS.